

# UMS Link, Sesama Lautubing jalin kerjasama komersil rumpai laut

SEMPORNA: UMS Link Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan Sesama Lautubing Sdn Bhd, bersejua membangun kawasan seluas 1,089 hektar di kawasan Terumbu Tubing, Ligitan, untuk projek komersil rumpai laut dan projek berkaitan sumber marin.

Majlis menandatangani dokumen persetujuan kerjasama membangun kawasan itu disempurnakan di sini kelmarin.

UMS Link diwakili Pengerusinya Datuk K.Y. Mustafa dan Pengarahnya Prof Dr Roselina Ahmad Saufi manakala Sesama Lautubing diwakili pengarahnya, Mohd Amin Ibrahim dan penasihat syarikat itu Ahmad Abdullah.

Majlis itu disaksikan oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senalang Datuk Seri Nasir Tun Sakaran.

Melalui kerjasama itu, UMS Link Sdn Bhd akan bertanggungjawab terhadap pengurusan, operasi dan penyediaan modal manakala Sesama Lautubing akan menyediakan tapak dan

pulangan keuntungan akan dikongsi bersama.

Mustafa berkata projek pengkulturan rumpai laut berkenaan akan dimulakan secara berperingkat-peringkat mulai bulan depan dan hasil pertama projek itu dijangka boleh diperolehi pada hujung tahun depan.

"Pelaburan awal kita terutama untuk menyediakan infrastruktur asas, melatih pekerja dan pembenihan ialah sebanyak RM1.5 juta. Sebagai permulaan, kita akan bangunan seluas 40.5 hektar dahulu untuk tahun pertama," katanya kepada pemberita di sini kelmarin.

Oleh kerana cuma 121 hektar daripada keluasan 1,089 hektar kawasan projek itu sahaja yang sesuai untuk pengkulturan rumpai laut maka kawasan selebihnya akan digunakan untuk projek perikanan atau dikekalkan sebagai terumbu karang.

"Hala tuju kita ialah keseluruhan kawasan itu akan menjadi kawasan ladang akuakultur bersepadu. Kita mengutamakan pemuliharaan alam sekitar. Mana-mana yang kita boleh tanam (rumpai laut) kita tanam, manayang perlu kita puli-

hara, kita akan pulihara," katanya.

Terdahulu, semasa berucap, Mustafa berkata UMS Link membuat keputusan untuk terlibat dalam projek berkenaan setelah tertarik dengan potensi masa depan industri rumpai laut serta galakan kerajaan seperti yang diumumkan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Katanya melalui ETP 3 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan negeri Sabah telah memperuntukkan seluas 7,500 hektar kawasan baru untuk penanaman rumpai laut di dalam kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan tambahan sebanyak 20,500 hektar lagi akan dikenal pasti menjelang 2020.

"Dalam konteks kelestarian ilmu pada hari ini, adalah wajib bagi tenaga pakar dan pelajar di UMS dibawa keluar dari kepompong institusi pengajian mereka kepada institusi sebenar. Dengan itu, mereka dapat memahami proses persekitaran dan ekosistem yang lebih realistik," katanya.

Sehubungan itu, kata Mustafa projek berkenaan



**TERMETERAI...Nasir (tengah) menyaksikan majlis petukaran dokumen antara UMS Link Sdn Bhd dan Sesama Lautubing Sdn Bhd di Semporna, kelmarin. UMS Link diwakili pengarahnya, Prof. Roselina Ahmad Saufi (kiri) sementara Sesama Lautubing oleh pengarahnya, Mohd Amin Ibrahim (depan, kanan). — Gambar Bernama**

juga adalah untuk menggunakan kepakaran UMS dalam bidang rumpai laut untuk membangunkan aktiviti huluan produk itu melalui penggunaan teknologi moden yang ditemui hasil penyelidikan universiti itu.

Melalui cara itu, katanya kuantiti dan kualiti pengeluaran rumpai laut dapat dipertingkatkan dan seterusnya memberi impak positif kepada sosioekonomi masyarakat setempat serta ekonomi negara.

Projek berkenaan juga

mampu menjadikan Semporna sebagai pusat latihan rumpai laut Sabah dengan mewujudkan pusat latihan bukan sahaja di darat tetapi juga di tapak projek itu sendiri iaitu di laut.

"Kawasan ini mampu dijadikan sebagai tapak

pelancongan marin akua. UMS Link berpendapat kawasan ini sesuai untuk dijadikan sebagai satu lagi destinasi pelancongan yang berkonsepkan inap ladang iaitu satu inovasi baru dalam pelancongan," katanya. — Bernama